



KEJOHANAN KAROM SUKAN KERAJAAN TEMPATAN MALAYSIA TAHUN 2018
ANJURAN
PERSATUAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN MALAYSIA (MALA) BERSAMA
MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG
PADA 8 - 9 SEPTEMBER, 2018

1.0 NAMA PROGRAM :

Kejohanan Karom Sukan Kerajaan Tempatan Malaysia 2018

2.0 PENGANJUR :

Kejohanan Karom ini dianjurkan oleh Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) bersama Majlis Perbandaran Pasir Gudang

3.0 TARIKH PERTANDINGAN :

8 – 9 September 2018 (Sabtu – Ahad)

4.0 TEMPAT PERTANDINGAN :

Atrium Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang@ UTC Pasir Gudang

5.0 YURAN PENDAFTARAN

5.1 Ahli : RM 250.00

5.2 Bukan Ahli : RM 500.00

6.0 HADIAH

6.1 Johan : RM2,000 + Piala Iringan + Medal

6.2 Naib Johan : RM1,500 + Medal

6.3 Tempat Ke 3 : RM1000 + Medal

6.1 Tempat Ke 4 : RM 500 + Medal

7.0 SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN AM

- i. Permainan akan diputuskan berasaskan kepada peraturan Am Kejohanan Sukan Kerajaan Tempatan Malaysia 2017.
- ii. Mana-mana peraturan dan syarat-syarat yang tidak tercatat, jawatan kuasa Penganjur Sukan Karom adalah berhak meminda atau menambah peraturan-peraturan yang difikirkan perlu. Sebarang keputusan adalah muktamad.

- iii. Setiap Pihak Berkuasa Tempatan dibenarkan mendaftar hanya satu pasukan sahaja.
- iv. Setiap pasukan terdiri daripada seorang (1) pengurus, seorang (1) jurulatih, lapan (8) orang pemain dan dua (2) orang pemain simpanan. Pengurus dan jurulatih dibenarkan bermain dengan syarat didaftarkan sebagai pemain.
- v. Penyertaan adalah terbuka kepada semua PBT dengan keutamaan kepada keahlian MALA dan terhad kepada 32 pasukan (**maksima**) sahaja.
- vi. Setiap pemain hendaklah terdiri daripada anggota Pihak Berkuasa Tempatan itu sendiri yang layak didaftarkan sebagai pemain termasuk anggota yang dilantik secara kontrak (**telah berkhidmat melebihi 6 bulan**).
- vii. Setiap pendaftaran peserta hendaklah disertakan salinan kad pengenalan dan penyata gaji bagi tempoh **tiga** bulan (Jun, Julai & Ogos 2018) yang telah disahkan oleh Datuk Bandar, Yang di-Pertua atau Setiausaha/ Ketua Jabatan serta perlu dibawa semasa hari kejohanan.
- viii. Setiap peserta berjawatan kontrak hendaklah membawa salinan penyata KWSP bagi bulan **MAC 2018**
- ix. Mana-mana pasukan (yang dikenalpasti oleh pihak penganjur) menyenaraikan pemain bukan dari kakitangan PBT yang berkenaan (pemain import) akan **DIBATALKAN** penyertaan mereka serta-merta.
- x. Sepanjang kejohanan diadakan, pegawai dan para peserta adalah tertakluk kepada Perintah Am Kerajaan yang berkuatkuasa dari masa ke semasa. Urusetia Sukan Kerajaan Tempatan atau Urusetia Kejohanan akan memanjangkan laporan kepada Ketua Jabatan PBT yang berkenaan, sekiranya terdapat pegawai atau peserta yang melanggar peraturan-peraturan tatatertib serta peraturan-peraturan yang berkenaan.

8.0 SYARAT DAN PERATURAN KEJOHANAN

8.1 Pertandingan karom akan dijalankan seperti berikut:-

- i. Bergu Lelaki VIP (**Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41 dan ke atas bersama berpasangan dengan sekurang-kurangnya Gred 29 dan ke atas**)
- ii. Bergu Lelaki Terbuka
- iii. Bergu Wanita Terbuka
- iv. Bergu Lelaki Veteran (berumur minimum 40 tahun dan jumlah umur 2 pemain dalam pasangan ini mestilah melebihi 90 tahun dan ke atas)
- v. Bergu Campuran Terbuka

8.2 Setiap pemain hanya dibenarkan menyertai satu (1) acara sahaja.

9.0 FORMAT PERTANDINGAN

- 9.1 Pertandingan akan dijalankan secara liga dalam kumpulan pada peringkat awal dan kalah keluar pada peringkat seterusnya.
- 9.2 Untuk memulakan perlawanan, undian akan dijalankan bagi pemain pertama membuat jentikan bagi set pertama dan set kedua. Jika pemain tersebut ada memasukkan buah karomnya, beliau boleh meneruskan gilirannya.
- 9.3 Buah merah akan dikeluarkan sejurus selepas pemain pertama membuat jentikan bagi set pertama dan set kedua. Jika pemain tersebut ada memasukkan buah karomnya, beliau boleh meneruskan gilirannya.
- 9.4 Sekiranya berlaku seri, perlawanan akan diteruskan ke set ketiga bagi menentukan pemenangnya. Di dalam set penentuan ini, undian akan dibuat oleh pengadil bagi menentukan tempat duduk dan pihak yang akan memulakan jentikan. Pemenang undian akan diberi keutamaan untuk membuat pilihan. Jika pemenang undian memilih untuk memulakan pukulan, pihak lawan berhak memilih tempat duduk.

10.0 MATA PENENTUAN KEMENANGAN

- 10.1 Di peringkat kumpulan pasukan yang menang diambil kira melalui 'set' yang dimenangi dalam satu-satu perlawanan (3) set pertandingan kemenangan mestilah 3-0 dan 2-1 sahaja.
- 10.2 Setiap set perlawanan akan dimainkan selama 20 minit. Jika masa yang diberikan berakhir, penentu kemenangan pemain yang mempunyai buah yang kurang jumlahnya di atas meja dianggap pemenang.
- 10.3 Jika jumlah buah sama bilangannya. Pemain akan diberi peluang memasukkan buah secara penalti sebanyak tiga biji. Buah tersebut mestilah diletak di tengah bulatan merah papan. Pemain yang berjaya memasuki buah yang banyak akan dikira pemenang.
- 10.4 Jika didapati pemain masih gagal untuk memasuki buah ataupun kedudukan seri maka lambungan duit akan dilaksanakan untuk penentu kemenangan.
- 10.5 Jika terdapat persamaan mata bagi penentu tempat ke separuh akhir perbezaan jumlah set yang dimenangi akan diambil kira.

- 10.6 Jika masih terdapat persamaan, jawatankuasa akan menentukan cara bagi menentukan pemenang.

11.0 UNDANG-UNDANG

11.1 Papan karom jenis poket luar

11.2 Buah 9 biji (kuning), 9 biji (hitam) dan 1 merah

11.3 *Striker* mestilah boleh masuk ke dalam ke empat-empat poke papan karom.

11.4 Tidak boleh diletak atau dilekatkan sebarang benda di atas *striker*.

12.0 MEMBUAT PUKULAN (JENTIKAN)

- 12.1 Hanya pergelangan tangan dibenarkan berada di atas bingkai tetapi tidak memasuki permukaan papan.
- 12.2 Siku atau badan tidak boleh melebihi garisan anak panah (*arrow*) ketika membuat pukulan.
- 12.3 *Striker* mestilah menyentuh dua garisan UFUK ketika membuat pukulan (jentikan).
- 12.4 Apabila menggunakan bulatan (moon), *striker* pemain mestilah menutupi bulatan penuh (*full moon*) dan tidak menyentuh garisan anak panah (*arrow*).
- 12.5 Kerusi tempat duduk tidak boleh dialihkan semasa membuat pukulan.
- 12.6 Pemain diberi masa 15 saat untuk membuat pukulan dan jika melebihi masa tersebut, pemain akan hilang giliran.
- 12.7 Keluarkan buah merah selepas pukulan pertama.

13.0 BUAH KAROM TERPELANTING KELUAR

- 13.1 Sekiranya terdapat buah karom yang terpelanting keluar semasa permainan, buah tersebut diletakkan di bulatan tengah (merah). Jika terdapat buah lain di bulatan tengah pada ketika itu, buah yang terpelanting mestilah diletakkan di atas buah sedia ada.
- 13.2 Jika buah karom terkeluar dan meniti di atas bingkai lalu masuk semula ke dalam di atas permukaan papan, ia dikira dalam permainan.

- 13.3 Buah karom yang keluar dan meniti di atas bingkai lalu masuk ke dalam poket ia dikira masuk.
- 13.4 Bila mana buah terpelanting keluar, pemain (pada masa yang sama) dapat memasukkan buahnya, beliau boleh meneruskan gilirannya selepas buah terpelanting itu diletakkan di bulatan tengah.
- 13.5 Buah yang terpelanting terkena tangan/badan lalu masuk semula ke dalam papan adalah dikira keluar dan perlu diletakkan di bulatan tengah.

14.0 DENDA

- 14.1 Denda satu (1) biji dan hilang giliran sekiranya melanggar peraturan sewaktu membuat pukulan (10.1 hingga 10.5) selepas diberi amaran sekali oleh pengadil.
- 14.2 Denda satu (1) biji dan hilang giliran sekiranya melanggar peraturan di para seperti berikut:-
- 14.2.1 Jika striker masuk poket sedangkan buah karom masih penuh maksima (9 biji) tiada denda dikenakan.
 - 14.2.2 Denda satu (1) biji dan hilang sekiranya memasukkan buah dan striker dengan satu pukulan kecuali buah terakhir. Buah karom yang masuk tidak perlu dikeluarkan, sekiranya buah terakhir pemain tersebut dikira menang.
 - 14.2.3 Denda satu (1) biji dan hilang giliran jika pemain melanggar buah karom di atas papan semasa pertandingan sedang berlangsung.
 - 14.2.4 Buah denda hendaklah diletakkan oleh pihak lawan dalam bulatan besar tetapi tidak ditengah bulatan pusat merah, jarak meletak buah denda adalah sekadar tidak menyentuh buah lain yang sediada di ruang bulatan besar.

15.0 HAL-HAL LAIN

15.1 Gundu (striker) dengan berat 15 gram dan garis pusat tidak melebihi 4.13 cm sahaja dibenar digunakan. Sementara serbuk pelicin akan disediakan oleh pihak penganjur (Swasik's Wintex Disco Carrom Powder).

15.2 Ujian striker tidak dibenarkan semasa perlawanan sedang berlangsung.

15.3 Pemain tidak dibenarkan meniup buah semasa permainan sedang berlangsung.

15.4 Buah karom yang berdiri, bersandar ke bingkai atau buah karom yang lain bertindih dengan sebab pukulan tidak perlu dibetulkan kedudukannya.

15.5 Ketika pemain membuat pukulan, *striker* terlepas tetapi tidak melepasi dua garisan ufuk, ia diberi peluang sekali lagi untuk meneruskan giliran.

15.6 Pemain tidak dibenarkan menukar buah kecuali buah itu terpelanting keluar daripada permukaan papan.

15.7 Sekiranya seseorang pemain memasukkan buah karomnya diikuti dengan buah lawan (tetapi bukan buah yang terakhir) atau sebaliknya. Beliau boleh meneruskan gilirannya.

15.8 Jawatankuasa pertandingan berhak menentu dan meminta sebarang syarat atau undang-undang serta peraturan apabila difikirkan perlu berbuat demikian.

15.9 Jika terdapat satu kejadian yang mana tidak tertakluk di bawah peraturan atau undang-undang permainan karom, maka keputusan akan dirujuk kepada jawatankuasa adalah muktamad.

16.0 BANTAHAN

16.1 Setiap bantahan semasa kejohanan hendaklah secara bertulis dan akan dikemukakan kepada Pengerusi Jawatankuasa Kejohanan dalam tempoh 30 minit selepas sesuatu acara berserta dengan bayaran sebanyak **RM300.00** yang mana tidak akan dikembalikan manakala bantahan yang diterima akan dipulangkan sebanyak RM 150.00. Keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Rayuan / Bantahan adalah muktamad dan sebarang rayuan semula tidak akan dilayan.

16.2 Jawatankuasa Bantahan / Rayuan akan dipengerusi oleh Pengerusi Jawatankuasa Penganjur dengan ahli-ahli berkecuali yang akan dilantik. Jawatankuasa boleh meminta Pengurus Pasukan menghadiri untuk mendengar keputusan bantahan / rayuan sekiranya perlu.

- 16.3 Jawatankuasa Rayuan / Bantahan berhak memanggil pemain / pengadil / pegawai bertugas sekiranya perlu bagi membantu siasatan tersebut.

17.0 PENGESAHAN DAN PENDAFTARAN PASUKAN

- 17.1 Pihak penganjur menerima pendaftaran pasukan melalui faks, emel atau hadir sendiri ke Sekretariat.
- 17.2 Bayaran secara tunai @ cek atas nama **KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG ; NOMBOR AKAUN : 01087010001450 ; BANK ISLAM** atau boleh hadir ke pihak sekretariat.
- 17.3 Pendaftaran lengkap bagi kejohanan / pertandingan ini hendaklah dihantar / difaks kepada :-

URUSETIA

**KEJOHANAN KAROM
SUKAN KERAJAAN TEMPATAN MALAYSIA TAHUN 2018
MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG
ARAS 19, MENARA AQABAH
JALAN BANDAR,
81700 PASIR GUDANG, JOHOR**

- 17.4 Pihak urusetia boleh dihubungi

NAMA - MOHD HAFIZ BIN ABD HAMID
NO. TEL H/P - 017- 701 1997
NO. TEL PEJ. - 07 – 254 7777
EMAIL - hafiz.abdhamid@mppg.gov.my/mohdhafiz.mhah@gmail.com

NAMA - SUHAILA BINTI SHAMSUDIN
NO. TEL H/P - 013 – 778 6385
NO. TEL PEJ. - 07 – 254 7735
EMAIL - suhaila@mppg.gov.my/suhailashamsudin1985@gmail.com
FAKS - 07 – 251 5260

- 17.5 **TARIKH TUTUP PENYERTAAN : 30 OGOS 2018**

- 17.6 Taklimat dan pengundian kejohanan akan diadakan pada **7 September 2018 (Jumaat) Jam 5:00 petang** bertempat di **Majlis Perbandaran Pasir Gudang.**

KEJOHANAN KAROM
TEMPATAN MALAYSIA
ANJURAN
PERSATUAN PIHAK



SUKAN KERAJAAN
TAHUN 2018
BERKUASA TEMPATAN

MALAYSIA (MALA) BERSAMA
MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG
PADA 8 - 9 SEPTEMBER, 2018

1. NAMA PBT :
- ALAMAT :
2. TELEFON/FAKS :
3. NAMA PENGURUS :
- NO TEL :
4. NAMA JURULATIH :
- NO TEL :

BIL	NAMA PESERTA	NO / KP	NO. PEKERJA	NO. KWSP
1				
2				
3				
4				
5				
6				
7				
8				
9				
10				
11				
12				
13				

14				
----	--	--	--	--

- * Sila sertakan salinan kad pengenalan bagi setiap peserta
- * Sila sertakan 3 bulan salinan slip gaji (Jun, Julai & Ogos)
- * Termasuk salinan penyata KWSP bagi bulan Mac 2018

BORANG PENYERTAAN KEJOHANAN KAROM SUKAN KERAJAAN TEMPATAN (MALA)

DATUK BANDAR/ TIMBALAN DATUK BANDAR/
YANG DI-PERTUA/TIMBALAN YANG DI-
PERTUA/ ATAU SETIAUSAHA

PENGURUS

.....
.....
Tandatangan & Cop
Tarikh :

Tandatangan
Tarikh :

* Pihak urusetia boleh dihubungi

NAMA	- MOHD HAFIZ BIN ABD HAMID
NO. TEL H/P	- 017- 701 1997
NO. TEL PEJ.	- 07 – 254 7777
EMAIL	- hafiz.abdhamid@mppg.gov.my/mohdhafiz.mhah@gmail.com
NAMA	- SUHAILA BINTI SHAMSUDIN
NO. TEL H/P	- 013 – 778 6385
NO. TEL PEJ.	- 07 – 254 7735
EMAIL	- suhaila@mppg.gov.my/ suhailashamsudin1985@gmail.com
FAKS	- 07 – 251 5260

LAKARAN TAPAK